

PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) TERHADAP KONSEP *ALIF LAM* DALAM BAHASA ARAB

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

Tel: +6017-4142236 E-mel: rohaida@usm.my

Noorul Shakirin Mohamed Hassan

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

Tel: +6012-4871507 E-mel: noorul@usm.my

ABSTRAK

Alif Lam merupakan salah satu aspek penulisan, sebutan dan tatabahasa bahasa Arab. Para pelajar senantiasa melakukan kesilapan dalam menyebut, menulis dan membina ayat yang berkaitan dengan *Alif Lam*. Maka kajian ini dilakukan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam unsur penulisan dan tatabahasa bahasa Arab. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang berfokuskan tiga konstruk iaitu pemahaman pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam bahasa Arab, pemahaman pelajar terhadap *Alif Lam* dalam tatabahasa bahasa Arab dan pemahaman pelajar terhadap *Alif Lam* dalam terjemahan Bahasa Melayu-Bahasa Arab. Responden kajian pula terdiri daripada 40 orang pelajar Bahasa Arab Universiti Sains Malaysia (USM). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 27.0. Dapatkan kajian yang didapati menunjukkan bahawa nilai purata min responden kajian terhadap Penggunaan *Alif Lam* adalah sederhana tinggi (Min 3.3425), Tatabahasa adalah rendah (Min 1.9425) dan Terjemahan Bahasa Melayu-Bahasa Arab adalah sederhana rendah (Min 2.0350). Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa para pelajar tidak mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap konsep *Alif Lam* dalam bahasa Arab. Oleh sebab itu, kesemua pihak terutamanya para pendidik dan pelajar bahasa Arab perlu menggembungkan tenaga untuk meningkatkan kemahiran menulis dan memahami konsep *Alif Lam* supaya dapat membina ayat yang lebih gramatis.

Kata kunci: *alif lam*, penggunaan, persepsi, pelajar

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan (PPBLT), Universiti Sains Malaysia (USM), bahasa Arab ditawarkan sebagai kursus opsyen ataupun minor di bawah bahagian bahasa Asing. Kursus opsyen terdiri dari empat peringkat iaitu Bahasa Arab I (LAA100), Bahasa Arab II (LAA200), Bahasa Arab III (LAA300) dan Bahasa Arab IV (LAA400). Para pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sahaja dibenarkan mengambil LAA100, manakala LAA200 kepada para pelajar yang mempunyai LAA100 ataupun mempunyai bahasa Arab dalam PT3. LAA300 pula diambil oleh para pelajar yang telah mengambil LAA200 ataupun telah mengambil Bahasa Arab di peringkat SPM. Para pelajar yang telah mempelajari LAA300 pula boleh mengambil LAA400.

Pelajar bebas memilih untuk mengambil satu atau dua atau tiga atau empat buah kursus opsyen semasa belajar di USM. Pelajar yang memilih kursus opsyen ini mengikuti kelas selama 4 jam seminggu selama 14 minggu. Manakala subjek minor terdiri daripada lima peringkat. Minor ditawarkan kepada semua pelajar tanpa mengira kelayakan akademik. Subjek minor ialah Bahasa Arab Komunikasi I (LLA100), Bahasa Arab Komunikasi II (LLA200), Bahasa Arab Komunikasi III (LLA300), Bahasa Arab Komunikasi IV (LLA400) dan Bahasa Arab Perniagaan (LLA401). Pelajar tidak dibenarkan melangkau tahap dan mesti mengikutinya secara turutan. Para pelajar mempunyai 14 minggu dengan kekerapan 6 jam seminggu.

Buku teks yang digunakan untuk subjek opsyen ialah At Takallum A-1, A-2 dan B-1. Tajuk tatabahasa yang berkaitan dengan tajuk Alif Lam ialah *As-Sifaat* (Kata Adjektif), *Al-Ism* (Kata Nama), *Al Mubtada' wal Khobar* (Subjek dan Predikat), *Al-Idhofah*, *As- Sifah wal Mausuf* (Kata Adjektif) dan *Khobar Muqaddam* (Predikat). Justeru, semua tajuk tatabahasa yang berkaitan dengan *Alif Lam* telah dipelajari oleh pelajar yang mengambil Bahasa Arab secara opsyen.

Manakala pelajar minor pula menjadikan *Al-Arabiyyah Bain Yadaik* sebagai buku rujukan utama. Silibus yang diajar yang berkaitan dengan topik kertas kerja ini ialah *Al-Ism* (Kata Nama), *Al Mubtada' wal Khobar* (Subjek dan Predikat), *Khobar Muqaddam* (Predikat), *Mudhof wa Mudhof Ilaih*, *Khobar Mufrad* dan *Al Mubtada'* (Subjek). Jadi, para pelajar minor juga mempelajari kesemua tajuk tatabahasa yang berkaitan dengan *Alif Lam*.

1.2 Permasalahan Kajian

Banyak kajian telah dilakukan dalam menganalisis kesalahan bahasa Arab yang dilakukan oleh pelajar. Namun kebanyakan kajian hanya menumpukan kesalahan tatabahasa bahasa Arab sahaja. Justeru, pengkaji terdorong untuk mengkaji aspek *Alif Lam* pula.

Pengkaji pula telah berpengalaman mengajar hampir 21 tahun dan mengajar *Alif Lam* yang berkaitan dengan tatabahasa dan terjemahan, akan tetapi para pelajar masih keliru penggunaan *Alif Lam* dan masih tidak memahami konsep penggunaan *Alif Lam* dalam perkataan dan ayat.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam bahasa Arab. Kajian ini secara terperincinya ingin mencapai tiga objektif iaitu:

- 1.3.1 mengenalpasti pemahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu *Alif Lam* dalam bahasa Arab
- 1.3.2 mengenalpasti pemahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu *Alif Lam* dalam tatabahasa bahasa Arab
- 1.3.3 mengenalpasti pemahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu *Alif Lam* dalam terjemahan bahasa Melayu – bahasa Arab

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kepada para pelajar kerana dapat memberikan gambaran kepada pelajar bahawa tahap penguasaan *Alif Lam* masih berada di tahap lemah.

Selain itu, kajian ini juga membolehkan para guru dan pensyarah dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk mengatasi masalah ini bukannya sekadar menggunakan kaedah *chalk and talk*.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada 40 orang pelajar LAA100, LAA200, LAA400, LLA100 dan LLA401 Semester 1 2023/2024 di PPBLT, USM kampus induk sahaja yang mengkaji persepsi terhadap pemahaman *Alif Lam*. Maka keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua para pelajar bahasa Arab USM tiga buah kampus dan para pelajar institusi pengajian tinggi yang lain.

2. Kajian Literatur

2.1 Kajian Lepas

Kajian pertama ialah kajian yang ditulis oleh Istiqamah Nuramaliah, Haniah Andi Abdul Hamzah yang bertajuk Analisis Kesalahan Imla' Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Dapatkan kajian mendapati pelajar melakukan kesalahan ejaan sebanyak 539 kali. Kesalahan *Huruf Hijaiyyah* berada pada kategori rendah dengan 158 kesalahan (29.31%), kesalahan huruf yang boleh disambung dan huruf yang tidak boleh disambung berada pada kategori sangat rendah dengan 29 kesalahan (5.38%), kesalahan *harakat* berada pada kategori rendah dengan 214 kesalahan (39.7%), kesalahan *Alif Lam Syamsiyah* dan *Alif Lam Qamariyah* berada pada kategori sangat rendah dengan 65 kesalahan (12.05%) dan kesalahan huruf *Hamzah* berada pada kategori sangat rendah dengan 73 kesalahan (13.54%).

Kajian kedua ialah penulisnya yang bernama Hussain Hamid. (2021). Tajuk kertas kerja beliau ialah Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Murid Tahun Lima Di Sekolah Rendah. Beliau mendapati murid melakukan banyak kesalahan atas tatabahasa bagi keempat-empat kategori yang dikaji. Kesalahan tertinggi didapati pada kesalahan ejaan kata bilangan bagi perkataan nombor bahasa Arab dengan catatan peratusnya sebanyak 73.3%. Seterusnya, kesalahan kerana menulis baris *Sukun* pada huruf *Alif Lam Syamsiah* dengan catatan peratus kesalahan sebanyak 71.8%. Akhir sekali, kesalahan menulis kata ganti nama tunjuk *Isim 'Isharah Mudhakar* pada perkataan *Muannas* dengan catatan peratus kesalahan sebanyak 60.7%.

Kajian seterusnya kertas kerja yang bertajuk ‘Penguasaan Frasa *Al-Idhafah* (Aneksi) Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin’. Ia ditulis oleh Shekarma Abdullah, Che Radiah Mezah, Ab. Halim Mohamad & Kamarul Shukri Mat The pada tahun 2015. Hasil kajian ialah majoriti pelajar berada pada tahap rendah (lemah) dalam penguasaan frasa *Al-Idhāfah* secara keseluruhannya, sama ada mengikut pembahagian markah, gred, tahap penguasaan, dan juga mengikut konstruk-konstruk soalan yang telah dibina.

3. Metodologi kajian

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Dalam penyelidikan kuantitatif, soal selidik objektif dibentuk daripada item-item objektif yang meminta responden kajian memberikan pandangan atau pendapatnya berkaitan dengan suatu isu., fenomena, peristiwa, tingkahlaku ataupun pengalaman yang dialaminya. Selain itu, soal selidik objektif juga digunakan bagi mengumpul data berkenaan aspek-aspek kemahiran tertentu responden kajian seperti kecerdasan IQ, kecerdasan emosi, kemahiran berfikir dan sebagainya (Chua Yan Piaw, 2008).

3.2 Sampel Kajian

Sebanyak 40 orang responden daripada pelajar Bahasa Arab PPBLT, USM kampus induk pada Semester 1 2022/2024 dipilih sebagai sampel kajian. Mereka mengambil LAA100, LAA200, LAA400, LLA100 dan LLA401 pada Semester 1 2023/2024.

3.3 Instrumen Kajian

atu set soal selidik telah diagihkan kepada responden kajian yang mengandungi variabel-variabel yang berkaitan dengan objektif kajian. Tajuk soal selidik yang disediakan ialah Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan *Alif Lam* Dalam Bahasa Arab. Borang soal selidik ini mengandungi 4 konstruk iaitu Bahagian A, B,C dan D. Bahagian A mengandungi maklumat diri pelajar manakala Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan tentang pemahaman pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam bahasa Arab. Bahagian C pula terdiri daripada soalan yang melibatkan pemahaman pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam tatabahasa bahasa Arab dan yang terakhir ialah Bahagian D mengandungi soalan berkenaan pemahaman pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam terjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Arab.

Komponen-komponen penilaian dalam soal selidik dapat dilihat sebagaimana dalam jadual di bawah.

Jadual 1 Komponen Penilaian Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan *Alif Lam* Dalam Bahasa Arab

Bahagian	Item	Jumlah Soalan
A	Maklumat diri	4
B	Pemahaman pelajar terhadap penggunaan <i>Alif Lam</i> dalam bahasa Arab	10
C	Pemahaman pelajar terhadap penggunaan <i>Alif Lam</i> dalam tatabahasa bahasa Arab	10
D	Pemahaman pelajar terhadap penggunaan <i>Alif Lam</i> dalam terjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Arab	10
Jumlah		34

3.4 Tatacara Penganalisisan Data

Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 27.0. Data-data daripada borang soal selidik telah dianalisis dan dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu analisis skor min. Untuk itu, pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Nunnally & Bernstein (1994).

Jadual 2 Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein,1994)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Bahagian A: Maklumat Diri

**Jadual 3 Jantina
JANTINA**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Lelaki	11	27.5	27.5	27.5
	Perempuan	29	72.5	72.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 4 Kaum
KAUM**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Melayu	33	82.5	82.5	82.5
	Cina	3	7.5	7.5	90.0
	India	1	2.5	2.5	92.5
	Asing	3	7.5	7.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 5 Tahun Pengajian
TAHUN PENGAJIAN**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	5	12.5	12.5	12.5
	2	4	10.0	10.0	22.5
	3	15	37.5	37.5	60.0
	4	16	40.0	40.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 6 Tahap Pengajian
TAHAP PENGAJIAN**

		Frequenc y	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	LAA100	17	42.5	42.5	42.5
	LAA200	11	27.5	27.5	70.0
	LAA400	4	10.0	10.0	80.0
	LLA100	5	12.5	12.5	92.5
	LLA401	3	7.5	7.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

4.2 Bahagian B: Pemahaman Pelajar Terhadap Penggunaan *Alif Lam* Dalam Bahasa Arab

**Jadual 7 Min Keseluruhan
Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation	Variance
overallmeans	40	3.3425	.77555	.601
Valid N (listwise)	40			

Secara keseluruhannya, nilai purata min responden kajian terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam bahasa Arab adalah sederhana tinggi (Min 3.3425).

**Jadual 8 Min Setiap Item
Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation
MAHIR AL	40	3.38	1.079
FAHAM AL	40	3.50	1.013
TAHU AL	40	3.40	.955
TIDAK TAHU AL	40	3.40	.982
ARIF AL	40	3.02	.974
TATABAHASA AL	40	3.00	.877
RUJUK BUKU	40	3.53	1.086
TANYA PENSYARAH	40	3.20	.992
BINA AYAT	40	3.22	1.165
SEDAR KEPENTINGAN	40	3.77	1.187
Valid N (listwise)	40		

Kesemua item mempunyai nilai purata min di antara 3.01 - 4.00 iaitu pada peringkat sederhana tinggi.

**Jadual 9 Saya mahir penggunaan *Alif Lam* yang betul
MAHIR AL**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	3	7.5	7.5	7.5
tidak setuju	3	7.5	7.5	15.0
tidak pasti	16	40.0	40.0	55.0
setuju	12	30.0	30.0	85.0
sangat setuju	6	15.0	15.0	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 10 Saya memahami penggunaan *Alif Lam* dalam ayat FAHAM AL

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	1	2.5	2.5
	tidak setuju	6	15.0	17.5
	tidak pasti	11	27.5	45.0
	setuju	16	40.0	85.0
	sangat setuju	6	15.0	100.0
	Total	40	100.0	

Jadual 11 Saya mengetahui perbezaan makna pada perkataan yang mempunyai *Alif Lam* TAHU AL

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	1	2.5	2.5
	tidak setuju	6	15.0	17.5
	tidak pasti	13	32.5	50.0
	setuju	16	40.0	90.0
	sangat setuju	4	10.0	100.0
	Total	40	100.0	

Jadual 12 Saya mengetahui perbezaan makna pada perkataan yang tidak mempunyai *Alif Lam* TIDAK TAHU AL

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	2	5.0	5.0
	tidak setuju	4	10.0	15.0
	tidak pasti	14	35.0	50.0
	setuju	16	40.0	90.0
	sangat setuju	4	10.0	100.0
	Total	40	100.0	

**Jadual 13 Saya arif perbezaan tatabahasa pada perkataan yang mempunyai *Alif Lam*
ARIF AL**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	2	5.0	5.0
	tidak setuju	9	22.5	22.5
	tidak pasti	18	45.0	72.5
	setuju	8	20.0	92.5
	sangat setuju	3	7.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0

**Jadual 14 Saya arif perbezaan tatabahasa pada perkataan yang tidak mempunyai *Alif Lam*
TATABAHASA AL**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangattidak setuju	2	5.0	5.0
	tidak setuju	6	15.0	15.0
	tidak pasti	25	62.5	62.5
	setuju	4	10.0	10.0
	sangat setuju	3	7.5	7.5
	Total	40	100.0	100.0

**Jadual 15 Saya senantiasa merujuk buku tentang *Alif Lam*
RUJUK BUKU**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	2	5.0	5.0
	tidak setuju	6	15.0	15.0
	tidak pasti	7	17.5	17.5
	setuju	19	47.5	47.5
	sangat setuju	6	15.0	15.0
	Total	40	100.0	100.0

**Jadual 16 Saya selalu bertanya pensyarah tentang *Alif Lam*
TANYA PENSYARAH**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	11	27.5	27.5
	tidak pasti	15	37.5	65.0
	setuju	9	22.5	87.5
	sangat setuju	5	12.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0

**Jadual 17 Saya kerap membina ayat yang mempunyai *Alif Lam*
BINA AYAT**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	3	7.5	7.5	7.5
tidak setuju	9	22.5	22.5	30.0
tidak pasti	9	22.5	22.5	52.5
setuju	14	35.0	35.0	87.5
sangat setuju	5	12.5	12.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 18 Saya sedar kepentingan *Alif Lam* dalam membina ayat
SEDAR KEPENTINGAN**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat tidak setuju	4	10.0	10.0	10.0
tidak setuju	2	5.0	5.0	15.0
tidak pasti	3	7.5	7.5	22.5
setuju	21	52.5	52.5	75.0
sangat setuju	10	25.0	25.0	100.0
Total	40	100.0	100.0	

4.3 Bahagian C: Pemahaman Pelajar Terhadap Penggunaan *Alif Lam* Dalam Tatabahasa Bahasa Arab

**Jadual 19 Min keseluruhan
Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation	Variance
overallmeanc	40	1.9425	.31695	.100
Valid N (listwise)	40			

Secara keseluruhannya, nilai purata min responden kajian terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam tatabahasa bahasa Arab adalah rendah (Min 1.9425).

Jadual 20 Min Setiap Item
Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation
NOMBOR TELEFON	40	1.98	.577
SAPUTANGAN	40	1.48	.751
RUMAH	40	2.10	.841
JUS	40	1.98	.480
TELEFON	40	2.30	.853
JAM	40	2.07	.829
PELAJAR	40	2.00	.641
BUKU	40	1.70	.823
BEG	40	2.20	.791
ANAK	40	1.63	.838
Valid N (listwise)	40		

Terdapat 5 item yang mempunyai min di antara 2.01 - 3.00 iaitu di peringkat sederhana rendah. Item-item itu ialah rumah (Min 2.10), telefon (Min 2.30), jam (Min 2.07), pelajar (Min 2.00) dan beg (Min 2.20). Manakala item-item nombor telefon (Min 1.98), sapu tangan (Min 1.48), jus (Min 1.98), buku (Min 1.70) dan anak (Min 1.63) berada di peringkat rendah.

رقم الهاتف
Jadual 21
NOMBOR TELEFON

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	6	15.0	15.0
	idhofah	30	75.0	90.0
	sifah mausuf	3	7.5	97.5
	4	1	2.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0

المنديل نظيف
Jadual 22
SAPUTANGAN

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	27	67.5	67.5
	idhofah	7	17.5	85.0
	sifah mausuf	6	15.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0

Jadual 23 البيت الكبير
RUMAH

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	12	30.0	30.0	30.0
	idhofah	12	30.0	30.0	60.0
	sifah mausuf	16	40.0	40.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Jadual 24 عصير البرتقال
JUS

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	5	12.5	12.5	12.5
	idhofah	31	77.5	77.5	90.0
	sifah mausuf	4	10.0	10.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Jadual 25 هاتف يدوبي
TELEFON

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	10	25.0	25.0	25.0
	idhofah	8	20.0	20.0	45.0
	sifah mausuf	22	55.0	55.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Jadual 26 الساعة اليدوية
JAM

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	12	30.0	30.0	30.0
	idhofah	13	32.5	32.5	62.5
	sifah mausuf	15	37.5	37.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 27 طالب الجامعة
PELAJAR**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	8	20.0	20.0	20.0
	idhofah	24	60.0	60.0	80.0
	sifah mausuf	8	20.0	20.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 28 الكتاب جديد
BUKU**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	21	52.5	52.5	52.5
	idhofah	10	25.0	25.0	77.5
	sifah mausuf	9	22.5	22.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Jadual 29 حقيبة مدرسية BEG

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	9	22.5	22.5	22.5
	idhofah	14	35.0	35.0	57.5
	sifah mausuf	17	42.5	42.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Jadual 30 اللون جاكس ANAK

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	mubtada' khobar	24	60.0	60.0	60.0
	idhofah	7	17.5	17.5	77.5
	sifah mausuf	9	22.5	22.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

4.4 Bahagian D: Pemahaman pelajar terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam terjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Arab

Jadual 31 Min keseluruhan

Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation	Variance
overallmeand	40	2.0350	.22251	.050
Valid N (listwise)	40			

Scara keseluruhannya, nilai purata min responden kajian terhadap penggunaan *Alif Lam* dalam terjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Arab adalah sederhana rendah (Min 2.0350).

Jadual 32 Min setiap item

Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation
KERUSI	40	2.18	.549
AIR	40	2.20	.853
BAHARU	40	2.00	.816
GURU	40	2.53	.679
PEN	40	1.50	.751
IBU	40	2.02	.577
BAHASA	40	1.90	.744
MASJID	40	2.62	.628
KAMPUNG	40	1.85	.622
BAJU	40	1.55	.749
Valid N (listwise)	40		

Terdapat 6 item yang mempunyai min di antara 2.01 - 3.00 iaitu di peringkat sederhana rendah. Item-item itu ialah kerusi (Min 2.18), air (Min 2.20), baharu (Min 2.00), guru (Min 2.53), ibu (Min 2.02) dan masjid (Min 2.62). Manakala item-item pen telefon (Min 1.50), bahasa (Min 1.90), kampung (Min 1.85) dan baju (Min 1.85) berada di peringkat rendah.

Jadual 33 Kerusi itu rosak
KERUSI

Valid	الكرسي المكسور	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
		Total	100.0	100.0	
	الكرسي مكسور	3	7.5	7.5	7.5
	كرسي المكسور	27	67.5	67.5	75.0
	كرسي المكسور	10	25.0	25.0	100.0

Jadual 34 Air yang sejuk

AIR

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid الماء البارد	11	27.5	27.5	27.5
ماء البارد	10	25.0	25.0	52.5
الماء بارد	19	47.5	47.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 35 Bahasa Arab

BAHASA

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid لغة العربية	13	32.5	32.5	32.5
اللغة العربية	18	45.0	45.0	77.5
لغة عربية	9	22.5	22.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 36 Buku guru

GURU

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid الكتاب المدرس	4	10.0	10.0	10.0
الكتاب مدرس	11	27.5	27.5	37.5
كتاب المدرس	25	62.5	62.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 37 Pen Muhammad

PEN

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid قلم محمد	26	65.0	65.0	65.0
الفلم محمد	8	20.0	20.0	85.0
قلم محمد	6	15.0	15.0	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 38 Ibu itu berdiri

IBU

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid الأم الواقعية	6	15.0	15.0	15.0
الأم الواقعية	27	67.5	67.5	82.5
أم الواقعية	7	17.5	17.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 39 Pelajar baharu

BAHARU

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid الطالب الجديد	13	32.5	32.5	32.5
الطالب جديد	14	35.0	35.0	67.5
طالب الجديد	13	32.5	32.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 40 Masjid itu dekat

MASJID

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid مسجد القريب	3	7.5	7.5	7.5
المسجد القريب	9	22.5	22.5	30.0
المسجد قریب	28	70.0	70.0	100.0
Total	40	100.0	100.0	

Jadual 41 Kampung yang kecil
KAMPUNG

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid القرية صغيرة	11	27.5	27.5	27.5
قرية صغيرة	24	60.0	60.0	87.5
قرية الصغيرة	5	12.5	12.5	100.0
Total	40	100.0	100.0	

**Jadual 42 Baju Fatimah
BAJU**

Valid	Frequency	Percent	Valid	Cumulative Percent
			Percent	
ثوب فاطمة	24	60.0	60.0	60.0
الثوب	10	25.0	25.0	85.0
فاطمة				
ثوب	6	15.0	15.0	100.0
الفاطمة				
Total	40	100.0	100.0	

5. Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana jika dilihat dari sudut persepsi pelajar. Namun begitu, tahap sebenar mereka dalam bidang tatabahasa dan terjemahan adalah rendah. Hal ini telah dibuktikan melalui dapatan kajian Bahagian C dan D. Setelah dianalisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan. Antaranya ialah pendidik perlu lebih banyak mengajar tajuk *Alif Lam*, memberikan latih tubi tatabahasa dengan lebih kerap dan memberikan latihan terjemahan dengan lebih banyak.

6. Rujukan

- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan*. (3rd ed.). Malaysia: Kuala Lumpur.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman & Ku Fatahiyah Ku Azizan. (2018). Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/325284990_Pemantapan_Tahap_Kemahiran_Asas_Bahasa_Arab_Melalui_Kajian_Tindakan. .(akses pada 19 April, 2024).
- Hussain Hamid. (2021). Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Murid Tahun Lima Di Sekolah Rendah. [Online]: <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/460194>. (akses pada 17 April, 2024).
- Istiqamah Nuramaliah, Haniah & Andi Abdul Hamzah. (2021). Analisis Kesalahan Imla' Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. [Online]: <https://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/Shautul-Arabiyah/article/view/23582>. (akses pada 17 April, 2024).
- Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Muhammad Daoh. (2018). Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Di Universiti Awam Malaysia Dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab. [Online]: [https://www.academia.edu/111366288/Kebolehan_Pelajar_Sarjana_Muda_Bahasa_Arab_di_Universiti_Awam_Malaysia_dalam_Kemahiran_Menulis_Karangan_Bahasa_Arab?rid=27826391724&sdp=rr-rw-wc-91548484_\(akses pada 19 April, 2024\).](https://www.academia.edu/111366288/Kebolehan_Pelajar_Sarjana_Muda_Bahasa_Arab_di_Universiti_Awam_Malaysia_dalam_Kemahiran_Menulis_Karangan_Bahasa_Arab?rid=27826391724&sdp=rr-rw-wc-91548484_(akses pada 19 April, 2024).)
- Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar & Saapi Man. (2020). Kemahiran Menulis Pelajar Diploma Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia Berdasarkan Persepsi dan Ujian Pengesahan. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/349109494_KEMAHIRAN_MENULIS_PELAJAR_DIPLOMA_BAHASA_ARAB_DI_INSTITUSI_PENGAJIANTINGGI_MALAYSIA_BERDASARKAN_PERSEPSI_DAN_UJIAN_PENGESAHAN. . (akses pada 17 April, 2024).

Norizuani Gabaldin & Hafizhah Zulkifli. (2021). Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Pelajar Tingkatan 4 SMKA di Sabah. [Online]: <https://www.scribd.com/document/654347221/Tahap-Pengetahuan-Kefahaman-dan-Kemahiran-Ilmu-Tajwid-Pelajar>. (akses pada 17 April, 2024).

Sapie Sabilan, Zarina Mohd Aris & Siti Nga'ishah Mohni. (2017). Penilaian Terhadap Aspek Konteks dan Input Berkaitan Tahap Penguasaan Hukum Tajwid Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsiyah Di Sekolah Kebangsaan Rembang Panas, Negeri Sembilan. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/320181617_Penilaian_Terhadap_Aspek_Konteks_dan_Input_Berkaitan_Tahap_Penguasaan_Hukum_Tajwid_Alif_Lam_Qamariah_dan_Alif_Lam_Syamsiyah_Di_Sekolah_Kebangsaan_Rembang_Panas_Negeri_Sembilan. (akses pada 17 April, 2024).

Shekarma Abdullah, Che Radiah Mezah, Ab. Halim Mohamad & Kamarul Shukri Mat Teh. (2015). Penguasaan Frasa Al-Idhafah (Aneksi) Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin. [Online]: <https://doi.org/10.37231/jimk.2015.9.0.86>. (akses pada 20 April, 2024).

Siti Hawani Hamid & Norasyikin Osman. (2019). Penggunaan Hamzah Alwasl dan Hamzah Alqat' Dalam Kemahiran Menulis Pelajar Universiti. [Online]: <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2019/07/TAMU-Vol-51-Jun-2019-9-18.pdf>. (akses pada 17 April, 2024).